

<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

PENERIMAAN GURU BAHASA ARAB SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TERHADAP PEMBELAJARAN SECARA MAYA

[SECONDARY SCHOOL ARABIC LANGUAGE TEACHER'S ACCEPTANCE TOWARDS ONLINE LEARNING]

SITI NORHIDAYAH MAHD NAYAI¹
MOHAMAD AZRIEN MOHAMED ADNAN¹
NOR HAZRUL MOHD SALLEH¹

¹Akademi Pengajian Islam, University of Malaya,
50603 Kuala Lumpur, Selangor, MALAYSIA

*Corresponding author: mdazrien@um.edu.my

Received Date: 10 June 2022 • Accepted Date: 30 August 2022

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap penerimaan guru bahasa Arab terhadap pengajaran dan pemudahcaraan secara maya dan melihat perbezaan penerimaan antara guru bahasa Arab yang mengajar sekolah di bandar dan guru bahasa Arab yang mengajar di sekolah luar bandar. Responden kajian ini terdiri daripada 42 orang guru bahasa Arab sekolah menengah kebangsaan di seluruh negeri di Malaysia yang dipilih secara rawak. Instrumen kajian yang digunakan adalah terdiri daripada satu set soal selidik yang mengandungi 35 item soalan dan menggunakan skala Likert. Dapatan kajian dianalisis terlebih dahulu menggunakan analisis deskriptif menggunakan nilai min untuk melihat tahap penerimaan guru bahasa Arab terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya. Hasil analisis secara keseluruhannya menunjukkan penerimaan guru terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya berada pada tahap sederhana tinggi. Seterusnya analisis Nonparametrik (Man-Whitney Test) dijalankan untuk melihat perbezaan penerimaan guru bahasa Arab di bandar dan juga guru bahasa Arab luar bandar terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya. Hasil menunjukkan secara keseluruhannya tidak terdapat perbezaan yang ketara antara penerimaan guru bandar dan luar bandar terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya.

Kata Kunci: Penerimaan, guru, Sekolah Menengah Kebangsaan, pembelajaran, bahasa Arab, secara maya.

Abstract

This study aimed to identify secondary school Arabic language Teacher's acceptance towards online learning and looked the different between urban teachers and rural teachers about the acceptance towards online learning. The respondent of this study randomly selected of 42 Arabic language Teacher's in secondary schools in Malaysia. Instrument used are made up of a set of

questionnaire, contains 35 items using Likert scale. The findings were analyzed using descriptive statistics which includes mean and standard deviation to see the secondary school Arabic language Teacher's acceptance towards online learning. Analysis result showed secondary school Arabic language Teacher's acceptance towards online learning were at high simple stage. Then analysis nonparametric were using to look the different between urban teachers and rural teachers about the acceptance towards online learning. Analysis result showed that no different between urban teachers and rural teachers about the acceptance towards online learning.

Keywords: Acceptance, teacher, secondary school, learning, Arabic language, online.

Cite as: Siti Norhidayah Mahd Nayai, Mohamad Azrien Mohamed Adnan & Nor Hazrul Mohd Salleh. 2022. Penerimaan Guru Bahasa Arab Sekolah Menengah Kebangsaan Terhadap Pembelajaran Secara Maya [Secondary School Arabic Language Teacher's Acceptance Towards Online Learning]. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 23(3): 273-292.

PENGENALAN

Pembelajaran secara maya atau E pembelajaran merujuk kepada sesuatu pembelajaran, latihan atau program pendidikan yang dilaksanakan melalui komponen elektronik dan disokong oleh capaian internet (Kamaludin Ahmad, 2006). Pembelajaran secara maya adalah sama seperti pembelajaran biasa yang melibatkan komunikasi antara tenaga pengajar dengan pelajar sama ada komunikasi dari segi pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran, pelaksanaan penilaian atau apa saja bentuk komunikasi antara guru dan pelajar, tetapi yang membezakannya ialah mereka tidak bertemu secara bersemuka malah bertemu melalui ruang maya (TVET & Vocational Training, 2020). Menurut Mahizer Hamzah, perkembangan pembelajaran dalam talian di sekolah di Malaysia bermula apabila KPM memperkenalkan Sekolah Bestari bermula dengan 88 sekolah. Ia kemudian diperluaskan kepada semua sekolah melalui Pembestarian Sekolah, seterusnya memperkenalkan penggunaan Persekitaran Pembelajaran Maya *Frog* dan Pelantar Pembelajaran digital (DELIMA) (Ahmad Naim Tahir & Ihsan Noorzali, 2020).

Pembelajaran secara dalam talian merupakan salah satu target Kementerian Pendidikan Malaysia yang diterjemahkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 yang meletakkan pembelajaran dalam talian dalam sistem pendidikan negara setanding dengan negara maju (Ahmad Naim Tahir & Ihsan Noorzali, 2020). Antara kelebihan pembelajaran secara dalam talian atau secara maya adalah menggalakkan perkongsian maklumat dalam sesebuah komuniti dan memberi peluang kepada masyarakat yang tinggal jauh daripada universiti untuk mendapatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran dengan lebih baik dan murah (Mohd Faizal Yusof, n.d.). Pembelajaran atas talian ini juga mampu menghasilkan seseorang yang mempunyai kemahiran pembelajaran sepanjang hayat (*Life Long Learning*). Kemahiran ini memerlukan seseorang yang mampu menentukan apa yang perlu dipelajari, mencari maklumat atau bahan untuk dipelajari, mempunyai kemahiran pembelajaran sendiri dan berdikari, bermotivasi, serta boleh membuat refleksi terhadap pembelajarannya dengan melakukan penaksiran sendiri atau cara yang lain (Muniroh Hamat et al., 2020). Selain itu, pembelajaran secara maya juga dapat memastikan pembelajaran pelajar tetap lancar walaupun mereka tidak berada di dalam kelas dan bilik kuliah (Sinar Harian, 2020a) serta menjadikan cikgu lebih kreatif dalam mempelbagaikan kaedah pdpc semasa pelaksanaan pdpc secara dalam

talian (Najmi Syahiran Mamat, 2020). Pada masa yang sama, pelajar juga dapat didedahkan dengan pelbagai jenis aplikasi dan teknologi terkini yang boleh mengasah bakat dan kemahiran mereka untuk menghadapi dunia moden masa kini (Muzaffar Syah Mallow, 2020). Video pengajaran yang dirakam serta bahan-bahan pengajaran yang dimuat naik oleh guru boleh diakses oleh pelajar pada bila-bila masa sahaja (Digital Marketing Institue, 2018).

PERNYATAAN MASALAH

Pembelajaran secara maya semakin meluas dan giat digunakan setelah kemunculan pandemik COVID-19 yang telah menyebabkan hampir seluruh dunia melakukan sekatan pergerakan dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan di Malaysia bagi menghapuskan rantaian wabak tersebut. PKP telah menyebabkan penutupan semua sekolah dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di kebanyakan negara termasuklah Malaysia. Lantaran penutupan sekolah dan universiti sejak PKP fasa 1 di Malaysia, proses Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) secara maya dilihat sebagai pilihan yang tepat. Ia adalah sejajar dengan saranan Kerajaan Malaysia ke arah kehidupan secara kebiasaan baharu. Kelas-kelas maya telah mula dipraktikkan oleh para guru di sekolah dan pensyarah di universiti bagi memastikan pelajar masih boleh menjalani proses P&P (Mazlina Abdul Majid, 2020). Pembelajaran secara dalam talian merupakan norma baharu yang perlu dihadapi oleh semua pihak yang terlibat (Rosninawati Hussin, 2020). Walaupun pembelajaran secara maya telah lama diperkenalkan di Malaysia, namun ianya mula digunakan secara meluas setelah penutupan institusi-institusi pendidikan akibat penularan wabak covid 19 dan dianggap sebagai sesuatu yang baharu dalam kalangan guru, murid dan ibu bapa (Muhaamad Hafis Nawawi, 2020). Oleh itu pelbagai masalah yang dihadapi semasa pelaksanaan pembelajaran secara maya. Ramai dari kalangan murid tidak dapat mengikuti pembelajaran secara dalam talian kerana akses kepada teknologi komunikasi terhad (Muhaamad Hafis Nawawi, 2020). Murid bukan sahaja menghadapi masalah dari segi capaian internet yang terbatas, namun murid juga menghadapi masalah dari segi kewangan yang perlu dikeluarkan untuk membeli data internet serta alat peranti, masalah pembahagian tugas antara tugas-tugas di rumah dan tugas dalam pembelajaran serta masalah kekurangan motivasi untuk belajar (Hello Health Group, 2021). Menurut Sinar Harian (2020b), ada murid yang mengalami masalah mendapatkan rangkaian internet, ada yang terpaksa bekerja bagi membantu meringankan beban kewangan keluarga semasa PKP dan ada yang menjaga anak kecil, orang tua atau adik-beradik di rumah. Ramai dalam kalangan pelajar berasal daripada keluarga miskin bandar yang mana mereka tidak mempunyai telefon pintar, komputer riba atau komputer di rumah (Sinar Harian, 2020a). Murid juga berhadapan dengan suasana pembelajaran yang tidak kondusif untuk belajar (TVET & Vocational Training, 2020).

Masalah-masalah ini bukan sahaja dihadapi oleh pelajar, tetapi turut dihadapi oleh guru. Antara masalah yang dihadapi oleh guru sepanjang pelaksanaan pembelajaran secara dalam talian adalah tidak semua guru menguasai kemahiran teknologi (Berita Harian, 2020) dan kurang mendapat sambutan daripada murid yang mana tidak semua murid menyertai kelas maya yang dilaksanakan oleh guru (Sinar Harian, 2020a). Selain itu, tenaga pengajar juga tidak tahu secara jelas kemampuan pelajarinya kerana tidak bersemuka dan tidak berbincang secara perseorangan (Faridah Che In & Afham Zulhusmi Ahmad, 2019)

OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenal pasti tahap penerimaan guru bahasa Arab terhadap pengajaran dan pemudahcaraan secara maya
2. Melihat perbezaan penerimaan antara guru bahasa Arab yang mengajar sekolah di bandar dan guru bahasa Arab yang mengajar di sekolah luar bandar.

METODE KAJIAN

Kajian tinjauan ini berbentuk kuantitatif. Alat kajian yang digunakan untuk mencapai objektif kajian ialah soal selidik. Kajian ini melibatkan 42 orang guru yang dipilih secara rawak mudah sebagai sampel kajian yang terdiri daripada 15 orang lelaki dan 27 orang perempuan. Soal selidik mengandungi dua bahagian yang terdiri daripada bahagian A dan bahagian B. Bahagian A terdiri daripada maklumat diri responden manakala bahagian B pula mengandungi 35 item berkaitan penerimaan guru terhadap pengajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya. Bagi menjamin kesahan item, soal selidik yang dibina telah dirujuk kepada pakar untuk mendapat pengesahan daripada pakar.

ANALISIS KAJIAN

Analisis yang dilakukan dalam kajian ini ialah analisis data demografi responden, analisis deskriptif dan analisis *nonparametric* (*Mann-Whitney Test*) menggunakan perisian SPSS.

Analisis Data Demografi Responden


Responden kajian ini terdiri daripada guru-guru bahasa Arab yang mengajar di sekolah menengah kebangsaan harian dan sekolah menengah kebangsaan agama di seluruh negeri di Malaysia. Seramai 42 orang responden terlibat dalam kajian ini yang mewakili Johor, Kedah, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Perak, Pulau Pinang, Pahang, Sabah, Sarawak dan Selangor. Daripada jumlah tersebut, 27 orang (64.3%) merupakan responden perempuan manakala selebihnya iaitu 15 orang (35.7%) adalah lelaki. Dari segi umur pula, 51.4% berumur dalam lingkungan 41 hingga 50 tahun, 21.4% berumur dalam lingkungan 20 hingga 30 tahun, 14.3% berumur antara 31 hingga 40 tahun dan selebihnya sebanyak 11.9% berumur dalam lingkungan 51 hingga 60 tahun. Seramai 27 orang guru iaitu sebanyak 64.3% dalam kajian ini merupakan guru yang mengajar di sekolah bandar manakala baki selebihnya iaitu seramai 15 orang mewakili 35.7% terdiri daripada guru yang mengajar di sekolah luar bandar. Jika dilihat dari segi pengalaman mengajar pula, majoriti guru berpengalaman mengajar mata pelajaran bahasa Arab melebihi 10 tahun iaitu seramai 18 orang (42.9%) berpengalaman mengajar bahasa Arab melebihi 15 tahun dan 6 orang (14.3%) berpengalaman mengajar bahasa Arab selama 11 hingga 15 tahun. Baki selebihnya 7 orang (16.7%) berpengalaman mengajar bahasa Arab antara 6 hingga 10 tahun dan 11 orang (26.2%) mempunyai pengalaman mengajar bahasa Arab kurang dari 5 tahun. Seramai 18 orang guru (42.9%) telah menghadiri kursus mengajar bahasa Arab melebihi 6 kali, 3 orang guru (7.1%) telah menghadiri kursus mengajar bahasa Arab sebanyak 5 hingga 6 kali, 10 orang (23.8%) pernah menghadiri kursus mengajar bahasa Arab sebanyak 3

hingga 4 kali, 9 orang (21.4%) pernah menghadiri kursus mengajar bahasa Arab sebanyak 1 hingga 2 kali dan 2 orang (4.8%) belum pernah menghadiri kursus mengajar bahasa Arab sepanjang perkhidmatan mereka. Secara keseluruhannya 95.2% daripada responden pernah menghadiri kursus mengajar bahasa Arab.

Dari segi bilangan kursus teknologi maklumat yang pernah dihadiri sepanjang bertugas pula seramai 14 orang(33.3%) pernah menghadiri kursus teknologi maklumat sebanyak satu hingga 2 kali sahaja, 13 orang(31%) pernah menghadiri kursus teknologi maklumat sebanyak 3 hingga 4 kali, 6 orang(14.3%) pernah menghadiri kursus teknologi maklumat sebanyak 5 hingga 6 kali, 7 orang(16.7%) telah menghadiri kursus teknologi maklumat melebihi 6 kali sepanjang mereka bertugas dan seramai 2 orang mewakili 4.8% belum pernah menghadiri kursus teknologi maklumat sepanjang mereka bertugas. Secara keseluruhannya 95.2% daripada responden pernah menghadiri kursus teknologi maklumat sepanjang perkhidmatan mereka. Ringkasan bagi profil responden adalah sebagaimana ditunjukkan dalam jadual 1.

Jadual 1 Ringkasan Profil Responden

Bil	Item	Kategori	Kekerapan	Peratusan
1	Jantina	Lelaki	15	35.7.5
		Wanita	27	64.3
2	Umur	20 – 30 tahun	9	21.4
		31 – 40 tahun	6	14.3
		41 – 50 tahun	22	51.4
		51 – 60 tahun	5	11.9
3	Jenis Sekolah	Bandar	27	64.3
		Luar Bandar	15	35.7
4	Pengalaman Mengajar Bahasa Arab	Kurang dari 5 tahun	11	26.2
		6 hingga 10 tahun	7	16.7
		11 hingga 15 tahun	6	14.3
5	Yang Pernah Dihadiri Sepanjang Bertugas	Lebih dari 15 tahun	18	42.9
		Belum Pernah	2	4.8
		1 hingga 2 kali	9	21.4
		3 hingga 4 kali	10	23.8
6	Bilanagn Kursus Bahasa Arab Yang Pernah Dihadiri Sepanjang Bertugas	5 hingga 6 kali	3	7.1
		Lebih dari 6 kali	18	42.9
		Belum Pernah	2	4.8
		1 hingga 2 kali	14	33.3
6	Yang Pernah Dihadiri Sepanjang Bertugas	3 hingga 4 kali	13	31
		5 hingga 6 kali	6	14.3
		Lebih dari 6 kali	7	16.7



Rajah 1: Bilangan Responden Mengikut Kelompok (Negeri)

Analisis Deskriptif

Analisis deskriptif yang menggunakan min dan sisihan piawai dijalankan untuk melihat penerimaan guru terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan (PDPC) bahasa Arab secara maya. Dapatan kajian tahap penerimaan guru terhadap pdpc bahasa Arab ini merangkumi elemen penerimaan dari segi penggunaan, penerimaan dari segi kelebihan dan penerimaan dari segi penglibatan pelajar. Dapatan kajian adalah sebagaimana ditunjukkan dalam jadual 4.2.

Jadual 2 Tahap Penerimaan Guru Terhadap Pdp Bahasa Arab

Penerimaan guru terhadap pdpc bahasa Arab	Min	Sisihan Piawai
Penerimaan guru terhadap pdpc bahasa Arab(penggunaan)	4.01	0.72
Penerimaan guru terhadap pdpc bahasa Arab(kelebihan)	3.92	0.63
Penerimaan guru terhadap pdpc bahasa Arab(Penglibatan pelajar)	3.39	0.85
Min Keseluruhan	3.91	0.58

Berdasarkan 35 item yang diuji pada konstruk tahap penerimaan guru terhadap pdpc bahasa Arab menunjukkan skor min yang sederhana tinggi pada keseluruhan item dengan nilai min 3.91. Jika dilihat satu persatu, bagi elemen penerimaan guru terhadap pdpc bahasa Arab dari segi penggunaan iaitu penerimaan guru terhadap pembelajaran bahasa Arab secara maya dan guru menggunakan medium tersebut yang melibatkan 24 item menunjukkan skor min yang tinggi dengan nilai min 4.01, elemen penerimaan guru terhadap pdpc bahasa Arab dari segi kelebihan iaitu penerimaan guru terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab

disebabkan kelebihan yang ada padanya yang melibatkan 6 item menunjukkan skor min yang sederhana tinggi dengan nilai min 3.92 manakala elemen penerimaan guru terhadap pdpc bahasa Arab dari segi penglibatan pelajar yang melibatkan 5 item menunjukkan skor min yang juga sederhana tinggi dengan catatan nilai min 3.39.

Secara keseluruhannya, tahap penerimaan guru bahasa Arab terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan (PDPC) bahasa Arab secara maya adalah berada pada tahap sederhana tinggi. Jika diteliti setiap item dalam setiap elemen, dapatan kajian adalah sebagaimana di tunjukkan dalam jadual 3, 4 dan 5.

Jadual 3 Penerimaan guru bahasa Arab terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab dari segi penggunaan

Bil	Kenyataan	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Min
1	Saya melaksanakan pembelajaran dan pemudahcaraan(PDPC) bahasa Arab secara maya.	2 4.8%	0 0.0%	40 95.2%	4.24
2	Saya tahu tujuan PDPC bahasa Arab dijalankan secara maya.	2 4.8%	2 4.8%	38 90.5%	4.19
3	Saya menggunakan aplikasi Zoom, Googlemeet atau video call telegram dalam pengajaran secara maya	3 7.2%	0 0.0%	39 92.8%	4.29
4	Saya menggunakan telegram atau whatsapp dalam pengajaran secara maya.	2 4.8%	0 0.0%	40 95.3%	4.26
5	Saya menguasai kemahiran teknologi asas untuk melaksanakan PDPC bahasa Arab secara maya.	2 4.8%	3 7.1%	37 88.1%	4.05
6	Saya mampu mengendalikan PDPC bahasa Arab secara maya.	2 4.8%	2 4.8%	38 90.5%	4.12
7	Saya mampu menyesuaikan gaya pengajaran saya dengan kaedah PDPC secara maya.	2 4.8%	2 4.8%	38 90.4%	4.02
8	Saya mampu mengajar bahasa Arab dengan menggabungkan pedagogi, kandungan bahasa Arab dan teknologi pendidikan.	2 4.8%	2 4.8%	38 90.4%	4.02
9	Saya mampu mengajar kemahiran membaca bahasa Arab dengan baik melalui PDPC bahasa Arab secara maya.	3 7.1%	3 7.1%	36 85.8%	3.81
10	Saya mampu mengajar kemahiran mendengar bahasa Arab dengan baik melalui PDPC bahasa Arab secara maya.	4 9.5%	5 11.9%	33 88.5%	3.74
11	Saya mampu mengajar kemahiran menulis bahasa Arab dengan baik melalui PDPC bahasa Arab secara maya.	5 11.9%	5 11.9%	32 76.2%	3.64
12	Saya mampu mengajar kemahiran bertutur	5	5	32	3.67

	bahasa Arab dengan baik melalui PDPC bahasa Arab secara maya.	11.9%	11.9%	76.2%	
13	Saya menyalurkan bahan pengajaran dan sumber maklumat berkaitan matapelajaran bahasa Arab semasa pelaksanaan PDPC bahasa Arab secara maya.	2 4.8%	1 2.4%	39 92.9%	4.14
14	Saya menggunakan bahan bantu mengajar yang menarik semasa melaksanakan PDPC bahasa Arab secara maya.	2 4.8%	6 14.3%	34 80.9%	3.95
15	Saya menjadi rujukan pelajar apabila mereka menghadapi sebarang masalah berkaitan matapelajaran bahasa Arab	2 4.8%	1 2.4%	39 92.9%	4.12
16	Saya membantu pelajar menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pelajar berkaitan matapelajaran bahasa Arab semasa pelaksanaan PDPC bahasa Arab secara maya.	2 4.8%	1 2.4%	39 92.8%	4.07
17	Saya dapat mengesan kesilapan umum yang dilakukan oleh pelajar semasa PDPC bahasa Arab secara maya.	2 4.8%	1 2.4%	39 92.8%	3.95
18	Saya mampu menilai tahap penguasaan pelajar terhadap bahasa Arab semasa PDPC bahasa Arab secara maya dijalankan.	3 7.1%	4 9.5%	35 83.3%	3.79
19	Saya akan memohon tunjuk ajar dari rakan setugas sekiranya menghadapi sebarang masalah untuk melaksanakan PDPC bahasa Arab secara maya.	2 4.8%	2 4.8%	38 90.5%	3.98
20	Saya selalu bertukar pandangan dengan rakan-rakan guru yang lain berkaitan teknik pengajaran secara dalam talian.	2 4.8%	0 0.0%	40 95.3%	4.02
21	Rakan-rakan setugas memberi galakan dan semangat untuk melaksanakan PDPC bahasa Arab secara maya.	2 4.8%	0 0.0%	40 95.2%	4.07
22	Saya mendapat sokongan dan galakan daripada pentadbir untuk melaksanakan PDPC bahasa Arab secara maya.	3 7.2%	0 0.0%	39 92.8%	4.02
23	Saya berminat untuk meneroka lebih mendalam tentang pelaksanaan PDPC bahasa Arab secara maya bagi menambahbaik mutu pengajaran saya.	2 4.8%	2 4.8%	38 90.5%	4.07
24	Saya bersedia untuk mengikuti kursus berkaitan kaedah pengajaran secara dalam talian.	3 7.2%	3 7.1%	36 85.7%	4.00
Min Keseluruhan					4.01

Terdapat 24 item diuji di bawah elemen penerimaan dari segi penggunaan. Bagi item pertama “ Saya melaksanakan pembelajaran dan pemudahcaraan (PDPC) bahasa Arab secara maya”, 40 orang responden(95.2%) bersetuju bahawa mereka melaksanakan pembelajaran dan pemudahcaraan (pdpc) bahasa Arab secara maya. Bagi item kedua “Saya tahu tujuan PDPC bahasa Arab dijalankan secara maya”, 38 orang responden(90.5%) bersetuju bahawa mereka tahu tujuan pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya dijalankan. Bagi item ketiga “Saya menggunakan aplikasi video bersemuka seperti *zoom*, *google meet* atau *video call telegram* dalam pengajaran secara maya”, 39 orang responden (92.8%) bersetuju bahawa mereka menggunakan aplikasi tersebut. Bagi item keempat “Saya menggunakan telegram atau *whatsapp* dalam pengajaran secara maya”, 40 orang responden (95.3%) bersetuju bahawa mereka menggunakan aplikasi tersebut. Bagi item kelima “Saya menguasai kemahiran teknologi asas untuk melaksanakan PDPC bahasa Arab secara maya”, 37 orang responden(88.1%) bersetuju bahawa mereka menguasai teknologi asas untuk melaksanakan pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya. Bagi item keenam “Saya mampu mengendalikan PDPC bahasa Arab secara maya”, 38 orang responden(90.5%) bersetuju bahawa mereka mampu mengendalikan pembelajaran dan pemudahcaraan (pdpc) bahasa Arab secara maya. Bagi item ketujuh “Saya mampu menyesuaikan gaya pengajaran saya dengan kaedah PDPC secara maya”, 38 orang responden(90.4%) bersetuju bahawa mereka mampu menyesuaikan pengajaran mereka dengan kaedah pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya. Bagi item kelapan “Saya mampu mengajar bahasa Arab dengan menggabungkan pedagogi, kandungan bahasa Arab dan teknologi pendidikan”, 38 orang responden(90.4%) bersetuju bahawa mereka mampu mengajar bahasa Arab dengan menggabungkan pedagogi, kandungan bahasa Arab dan teknologi pendidikan.

Bagi item kesembilan “Saya mampu mengajar kemahiran membaca bahasa Arab dengan baik melalui PDPC bahasa Arab secara maya”, 36 orang responden(85.8%) bersetuju bahawa mereka mampu mengajar kemahiran membaca bahasa Arab dengan baik melalui pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya. Bagi item kesepuluh “Saya mampu mengajar kemahiran mendengar bahasa Arab dengan baik melalui PDPC bahasa Arab secara maya”, 33 orang responden(88.5%) bersetuju bahawa mereka mampu mengajar kemahiran mendengar bahasa Arab dengan baik melalui PDPC bahasa Arab secara maya. Bagi item kesebelas “Saya mampu mengajar kemahiran menulis bahasa Arab dengan baik melalui PDPC bahasa Arab secara maya”, 32 orang responden(76.2%) bersetuju bahawa mereka mampu mengajar kemahiran menulis bahasa Arab dengan baik melalui pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya.

Bagi item kedua belas “Saya mampu mengajar kemahiran bertutur bahasa Arab dengan baik melalui PDPC bahasa Arab secara maya”, 32 orang responden(76.2%) bersetuju bahawa mereka mampu mengajar kemahiran bertutur bahasa Arab dengan baik melalui pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya. Bagi item ketiga belas “Saya menyalurkan bahan pengajaran dan sumber maklumat berkaitan mata pelajaran bahasa Arab semasa pelaksanaan PDPC bahasa Arab secara maya”, 39 orang responden(92.9%) bersetuju bahawa mereka menyalurkan bahan pengajaran dan sumber maklumat berkaitan mata pelajaran bahasa Arab semasa melaksanakan pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya. Bagi item keempat belas “Saya menggunakan bahan bantu mengajar yang menarik semasa melaksanakan PDPC bahasa Arab secara maya”, 34 orang responden(80.9%) bersetuju bahawa mereka

menggunakan bahan bantu mengajar yang menarik semasa melaksanakan pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya. Bagi item kelima belas “Saya menjadi rujukan pelajar apabila mereka menghadapi sebarang masalah berkaitan mata pelajaran bahasa Arab”, 39 orang responden(92.9%) bersetuju bahawa mereka menjadi rujukan pelajar apabila pelajar menghadapi masalah berkaitan mata pelajaran bahasa Arab. Bagi item keenam belas “Saya membantu pelajar menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pelajar berkaitan mata pelajaran bahasa Arab semasa pelaksanaan PDPC bahasa Arab secara maya”, 39 orang responden(92.8%) bersetuju bahawa mereka membantu pelajar menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pelajar berkaitan mata pelajaran bahasa Arab semasa pelaksanaan pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya.

Bagi item ketujuh belas “Saya dapat mengesan kesilapan umum yang dilakukan oleh pelajar semasa PDPC bahasa Arab secara maya”, 39 orang responden(92.8%) bersetuju bahawa mereka dapat mengesan kesilapan umum yang dilakukan oleh pelajar semasa pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya. Bagi item kelapan belas “Saya mampu menilai tahap penguasaan pelajar terhadap bahasa Arab semasa PDPC bahasa Arab secara maya dijalankan”, 35 orang responden(83.3%) bersetuju bahawa mereka dapat menilai tahap penguasaan pelajar terhadap bahasa Arab semasa pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya dijalankan. Bagi item kesembilan belas “Saya memohon tunjuk ajar dari rakan setugas sekiranya menghadapi sebarang masalah untuk melaksanakan PDPC bahasa Arab secara maya”, 38 orang responden(90.5%) bersetuju bahawa mereka mendapatkan tunjuk ajar dari rakan setugas sekiranya menghadapi sebarang masalah untuk melaksanakan pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya.

Bagi item kedua puluh “Saya selalu bertukar pandangan dengan rakan-rakan guru yang lain berkaitan teknik pengajaran secara dalam talian”, 40 orang responden(95.3%) bersetuju bahawa mereka selalu bertukar pandangan dengan rakan-rakan setugas berkaitan teknik pengajaran secara dalam talian. Bagi item kedua puluh satu “Rakan-rakan setugas memberi galakan dan semangat untuk melaksanakan PDPC bahasa Arab secara maya”, 40 orang responden(95.2%) bersetuju bahawa rakan-rakan setugas mereka memberi galakan dan semangat untuk melaksanakan pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya. Bagi item kedua puluh dua “Saya mendapat sokongan dan galakan daripada pentadbir untuk melaksanakan PDPC bahasa Arab secara maya”, 39 orang responden(92.8%) bersetuju bahawa pentadbir memberi sokongan dan galakan untuk melaksanakan pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya. Bagi item kedua puluh tiga “Saya berminat untuk meneroka lebih mendalam tentang pelaksanaan PDPC bahasa Arab secara maya bagi menambahbaik mutu pengajaran saya”, 38 orang responden(90.5%) bersetuju bahawa mereka berminat untuk meneroka lebih mendalam tentang pelaksanaan pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya bagi menambahbaik mutu pengajaran mereka. Bagi item terakhir elemen penerimaan dari segi penggunaan iaitu item kedua puluh empat “Saya bersedia untuk mengikuti kursus berkaitan kaedah pengajaran secara dalam talian”, 36 orang responden(85.7%) bersetuju bahawa mereka bersedia untuk mengikuti kursus berkaitan kaedah pengajaran secara dalam talian.

Secara keseluruhannya dapatan ini menunjukkan penerimaan guru terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab dari segi penggunaan berada pada tahap sederhana tinggi.

Jadual 4 Penerimaan guru bahasa Arab terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab dari segi kelebihan

Bil	Kenyataan	Tidak setuju	Tidak Pasti	Setuju	Min
1	PDPC secara maya membantu saya mengekalkan hubungan dengan pelajar.	4 9.5%	8 19.0%	30 71.4%	3.71
2	PDPC secara maya membantu saya menyampaikan pelbagai maklumat, arahan dan latihan berkaitan bahasa Arab kepada pelajar.	2 4.8%	5 11.9%	35 83.3%	3.93
3	PDPC secara maya membantu saya dalam memastikan PDPC bahasa Arab tetap berjalan lancar walaupun institusi pendidikan ditutup.	3 7.2%	7 16.7%	32 76.1%	3.86
4	PDPC secara maya menjadikan saya lebih kreatif dalam menyampaikan isi pelajaran kepada pelajar	1 2.4%	5 11.9%	36 85.7%	4.07
5	Melalui PDPC bahasa Arab secara maya, saya dapat menyesuaikan penggunaan teknologi untuk aktiviti pengajaran.	1 2.4%	1 2.4%	40 95.2%	4.12
6	PDPC secara maya melahirkan pelajar yang lebih kreatif dan inovatif.	5 11.9%	2 4.8%	35 83.4%	3.83
MIN					3.92

Terdapat 6 item diuji di bawah elemen penerimaan dari segi kelebihan. Bagi item pertama “PDPC secara maya membantu saya mengekalkan hubungan dengan pelajar”, 30 orang responden(71.4%) bersetuju bahawa pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya membantu mereka mengekalkan hubungan dengan pelajar. Bagi item kedua “PDPC secara maya membantu saya menyampaikan pelbagai maklumat, arahan dan latihan berkaitan bahasa Arab kepada pelajar”, 35 orang responden(83.3%) bersetuju bahawa pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya membantu mereka menyampaikan pelbagai maklumat, arahan dan latihan berkaitan bahasa Arab kepada pelajar. Bagi item ketiga “PDPC secara maya membantu saya dalam memastikan PDPC bahasa Arab tetap berjalan lancar walaupun institusi pendidikan ditutup”, 32 orang responden(76.1%) bersetuju bahawa pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya membantu mereka dalam memastikan pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab tetap berjalan lancar walaupun institusi pendidikan ditutup. Bagi item keempat “PDPC secara maya menjadikan saya lebih kreatif dalam menyampaikan isi pelajaran kepada pelajar”, 36 orang responden(85.7%) bersetuju bahawa Pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya menjadikan mereka lebih kreatif dalam menyampaikan isi pelajaran kepada pelajar. Bagi item kelima “Melalui PDPC bahasa Arab secara maya, saya dapat menyesuaikan penggunaan teknologi untuk aktiviti pengajaran”, 40 orang responden(95.2%) bersetuju bahawa mereka dapat menyesuaikan penggunaan teknologi untuk aktiviti pengajaran melalui pembelajaran dan

pemudahcaraan secara maya. Bagi item keenam “PDPC secara maya melahirkan pelajar yang lebih kreatif dan inovatif”, 35 orang responden(83.4%) bersetuju bahawa pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya dapat melahirkan pelajar yang lebih kreatif dan inovatif. Secara keseluruhannya penerimaan guru terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya dari segi kelebihannya berada pada tahap sederhana tinggi.

Jadual 5 Penerimaan guru bahasa Arab terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab dari segi penglibatan pelajar

Bil	Kenyataan	Tidak setuju	Tidak Pasti	Setuju	Min
1	PDPC bahasa Arab secara maya yang saya laksanakan mendapat penglibatan yang positif daripada pelajar.	6 14.3%	7 16.7%	29 69.1%	3.52
2	Pelajar saya aktif memberi maklum balas sepanjang PDPC bahasa Arab secara maya berlangsung.	9 21.4%	4 9.5%	29 69.1%	3.43
3	Pelajar saya turut mencari maklumat atau bahan pembelajaran bahasa Arab secara sendiri	12 28.6%	8 19.0%	22 52.4%	3.17
4	Pelajar saya mendapatkan pandangan saya tentang bahan tersebut.	10 23.8%	6 14.3%	26 61.9%	3.38
5	Pelajar saya menunjukkan minat dan seronok untuk belajar semasa PDPC bahasa Arab secara maya yang saya laksanakan.	7 16.7%	9 21.4%	26 61.9%	3.43
Min Keseluruhan					3.39

Terdapat 5 item diuji di bawah elemen penerimaan dari segi penglibatan pelajar. Bagi item pertama “PDPC bahasa Arab secara maya yang saya laksanakan mendapat penglibatan yang positif daripada pelajar”, 29 orang responden(69.1%) bersetuju bahawa pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya yang mereka laksanakan mendapat penglibatan yang positif daripada pelajar. Bagi item kedua “Pelajar saya aktif memberi maklum balas sepanjang PDPC bahasa Arab secara maya berlangsung”, 29 orang responden(69.1%) bersetuju bahawa pelajar mereka aktif memberi maklum balas sepanjang pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya berlangsung. Bagi item ketiga “Pelajar saya turut mencari maklumat atau bahan pembelajaran bahasa Arab secara sendiri”, 22 orang responden(52.4%) bersetuju bahawa pelajar mereka turut mencari maklumat atau bahan pembelajaran bahasa Arab secara sendiri. Bagi item keempat “Pelajar saya mendapatkan pandangan saya tentang bahan tersebut”, 26 orang responden(61.9%) bersetuju bahawa pelajar mereka mendapatkan pandangan mereka tentang bahan yang dicari. Bagi item kelima “Pelajar saya menunjukkan minat dan seronok untuk belajar semasa PDPC bahasa Arab secara maya yang saya laksanakan”, 26 orang responden(61.9%) bersetuju bahawa pelajar mereka menunjukkan minat dan seronok untuk belajar semasa pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya yang mereka laksanakan. Secara keseluruhannya penerimaan guru terhadap penerimaan dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya juga berada pada tahap sederhana tinggi.

Analisis Nonparametrik (Man-Whitney Test)

Analisis Nonparametrik digunakan iaitu analisis *Man Whitney Test* dipilih untuk menganalisis perbezaan tahap penerimaan guru bahasa Arab di bandar dengan guru bahasa Arab luar bandar terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya.

Hipotesis Penyelidikan: Terdapat perbezaan penerimaan terhadap pdpc bahasa Arab secara maya di antara guru bandar dan guru luar bandar.

Hipotesis Nul: Tidak Terdapat perbezaan penerimaan terhadap pdpc bahasa Arab secara maya di antara guru bandar dan guru luar bandar.

Hasil analisis menunjukkan sampel bagi kajian ini ($n = 42$), kumpulan guru bandar ($n = 27$) dan kumpulan guru luar bandar ($n = 15$), ujian statistik mempamerkan bahawa nilai Asymp. Sig. (2tailed) $0.287 > 0.05$ menunjukkan hipotesis kajian ditolak. Ini disimpulkan bahawa secara keseluruhannya tidak terdapat perbezaan antara penerimaan guru di bandar dan guru luar bandar terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya. Seterusnya setiap elemen di bawah konstruk penerimaan guru, iaitu penerimaan dari segi penggunaan, kelebihan dan penglibatan pelajar pula diteroka dan dianalisis bagi melihat sama ada terdapat perbezaan tahap penerimaan guru bahasa Arab yang mengajar di bandar dengan guru bahasa Arab yang mengajar sekolah luar bandar terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan (pdpc) bahasa Arab secara maya dari segi penggunaan, kelebihan dan penglibatan pelajar.

Perbezaan Penerimaan Guru Bahasa Arab di Bandar dan Luar Bandar Terhadap Pdpc Bahasa Arab secara Maya dari Segi Penggunaan

Hasil analisis bagi sampel bagi kajian ini ($n = 42$), kumpulan guru bandar ($n = 27$) dan kumpulan guru luar bandar ($n = 15$) mempamerkan bahawa nilai Asymp. Sig. (2tailed) $0.55 > 0.05$ menunjukkan hipotesis kajian ditolak. Ini disimpulkan bahawa tidak terdapat perbezaan antara penerimaan guru di bandar dan guru luar bandar terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya dari segi penggunaan.

Perbezaan Penerimaan Guru Bahasa Arab Di Bandar Dan Luar Bandar Terhadap Pdpc Bahasa Arab Secara Maya Dari Segi Kelebihan

Dapatan menunjukkan sampel bagi kajian ini ($n = 42$), kumpulan guru bandar ($n = 27$) dan kumpulan guru luar bandar ($n = 15$) menunjukkan nilai Asymp. Sig. (2tailed) $0.54 > 0.05$. Ini menunjukkan hipotesis kajian ditolak. Ini disimpulkan bahawa tidak terdapat perbezaan antara penerimaan guru di bandar dan guru luar bandar terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya dari segi kelebihan.

Perbezaan Penerimaan Guru Bahasa Arab di Bandar dan Luar Bandar Terhadap Pdpc Bahasa Arab secara Maya dari Segi Penglibatan Pelajar

Dapatan analisis bagi kajian ini ($n = 42$), kumpulan guru bandar ($n = 27$) dan kumpulan guru luar bandar ($n = 15$) mempamerkan bahawa nilai Asymp. Sig. (2tailed) $0.78 > 0.05$ menunjukkan hipotesis kajian ditolak. Ini disimpulkan bahawa tidak terdapat perbezaan antara penerimaan guru di bandar dan guru luar bandar terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya dari segi penglibatan pelajar.

PERBINCANGAN

Penerimaan guru bahasa Arab terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya

Dapatan Kajian menunjukkan penerimaan guru bahasa Arab terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya secara keseluruhannya berada pada tahap sederhana tinggi. Dapatan ini selari dengan dapatan kajian sebelum ini antaranya oleh Mahizer Hamzah & Mohd Azli Yeop (2016) yang membincangkan tentang maklum balas penerimaan guru dan pelaksanaan Frog VLE di sekolah-sekolah menunjukkan ianya mendapat penerimaan yang positif daripada guru. Begitu juga kajian yang dilakukan oleh Amirudin Mohd Salim, Mohd Rakime Shaffai, and Md Hidayat Abd. Jalil (tanpa tarikh) untuk mengenal pasti tahap kesedaran, penerimaan dan impak e-pembelajaran dalam kalangan pensyarah menunjukkan penerimaan yang positif dan kajian oleh Abd Hakim Abdul Majid et al. (2018) mendapati bahawa pelajar dan guru memperlihatkan penerimaan yang tinggi terhadap pembelajaran secara dalam talian.

Namun, hasil kajian ini berbeza dengan Zuraidah Abdullah yang berpendapat bahawa sebahagian besar murid, pelajar, guru dan ibu bapa belum bersedia sepenuhnya. Kaedah pembelajaran maya ketika itu hanya berada pada tahap sederhana memuaskan disebabkan beberapa cabaran dan halangan yang dihadapi oleh guru dan pelajar terutamanya dari segi kemudahan prasarana (komputer, komputer riba, tab dan telefon pintar) serta capaian Internet (Nor 'Asyikin Mat Hayin, 2020). Perkara ini mungkin berlaku di peringkat awal pelaksanaan pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya. Namun setelah pelbagai langkah yang diambil oleh guru untuk membuat penambahbaikan dalam mengendalikan kelas secara maya termasuklah berkongsi dengan rakan setugas berkenaan kaedah dan teknik yang terbaik dalam melaksanakan pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya membuatkan guru semakin menerima pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya sebagaimana yang disebutkan oleh Mahizer Hamzah bahawa sebelum ini, guru menggunakan pembelajaran dalam talian ini sebagai sokongan kepada pembelajaran konvensional yang dijalankan dalam bilik darjah di sekolah. Namun, pada peringkat awal penggunaannya, ia amat terbatas dan tidak semua guru menggunakannya. Pelaksanaan pemantauan penggunaan di setiap sekolah yang dijalankan oleh KPM telah sedikit sebanyak memberi kesan terhadap peningkatan pembelajaran dalam talian ini dan semakin meluas digunakan serta menjadi medium utama semasa wabak Covid melanda Negara. Pandemik Covid-19 sebenarnya telah mempercepatkan penerimaan masyarakat negara ini terhadap pembelajaran secara maya yang sebelum ini dijangka mengambil masa yang lebih lama (Ahmad Naim Tahir & Ihsan Noorzali, 2020).

Konstruk penerimaan guru diteroka dan dibahagikan kepada tiga elemen iaitu elemen penerimaan dari segi penggunaan, elemen penerimaan dari segi kelebihan dan elemen penerimaan dari segi penglibatan murid.

Elemen penerimaan dari segi penggunaan merangkumi aspek guru menggunakan platform pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya, menguasai kemahiran-kemahiran yang berkaitan dengan pelaksanaan pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya serta kesediaan guru untuk meneroka lebih mendalam tentang pelaksanaan PDPC bahasa Arab secara maya bagi menambahbaik mutu pengajaran mereka. Dapatan kajian penerimaan guru terhadap pdpc bahasa Arab dari segi penggunaan yang melibatkan 24 item menunjukkan skor min yang tinggi dengan nilai min 4.01. Dapatan ini selari dengan hasil kajian oleh Abd Hakim Abdul Majid et al. (2018) yang mendapati bahawa pelajar dan guru memperlihatkan persepsi yang tinggi bagi keperluan penggunaan realiti maya dalam pendidikan ICT. Berdasarkan dapatan kajian oleh Nadia Abdul Hamid & Jamalul Lail Abdul Wahab (2017) menunjukkan tahap kemahiran guru terhadap aplikasi persekitaran pembelajaran maya *Frog (Frog VLE)* berada pada tahap sederhana, dan tahap penggunaan guru terhadap persekitaran pembelajaran maya *Frog (Frog VLE)* juga menunjukkan tahap sederhana. Begitu juga kajian berbentuk tinjauan yang dijalankan oleh Lai Chee sern et al. (2017) menunjukkan bahawa tahap penggunaan VLE Frog dalam kalangan guru yang mengajar mata pelajaran RBT di sekolah luar bandar di Daerah Batu Pahat adalah sederhana. Secara kesimpulannya, berdasarkan dapatan kajian yang dijalankan oleh pengkaji menunjukkan terdapat peningkatan terhadap penerimaan guru dari segi penggunaan yang merangkumi aspek pelaksanaan, penguasaan kemahiran dan kesediaan meneroka pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya. Perkara ini berlaku mungkin disebabkan oleh penggunaan medium pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya secara meluas dan merupakan pilihan utama semasa perintah kawalan pergerakan (PKP) dilaksanakan akibat penularan wabak Covid 19.

Elemen penerimaan dari segi kelebihan bermaksud penerimaan guru terhadap pdpc secara maya disebabkan oleh kelebihan-kelebihan medium ini yang banyak membantu guru dalam melaksanakan pembelajaran dan pemudahcaraan secara berterusan walaupun sekolah ditutup. Elemen penerimaan guru terhadap pdpc bahasa Arab dari segi kelebihan yang melibatkan 6 item menunjukkan skor min yang sederhana tinggi dengan nilai min 3.92. Dapatan ini selari dengan pembentangan yang dilakukan oleh Ahmad Zaki Amiruddin et al. (2015) bahawa penggunaan aplikasi e-pembelajaran bukan sahaja memudahkan proses P&P bahkan meningkatkan minat para pelajar untuk mempelajari sesuatu pelajaran. Pengajar dan para pelajar mempunyai masa yang lebih fleksibel untuk penyampaian dan pemahaman sesuatu pelajaran. Proses P&P boleh dilakukan berulang kali tanpa bergantung sepenuhnya kepada pengajar. Proses pembelajaran boleh dilakukan di mana-mana, asalkan ada capaian internet. Begitu juga kenyataan Najmi Syahiran Mamat (2020) bahawa pembelajaran secara dalam talian yang dijalankan semasa PKP menjadikan guru lebih kreatif serta memanfaatkan penggunaan teknologi yang ada bagi memastikan pembelajaran anak didik mereka tidak terabai. Dapatan ini juga selari dengan kajian yang dijalankan oleh Mohd Faiz Mohd Baharan et al. (2019) yang mendapati sistem VLE Frog telah memberi impak dan manfaat yang besar kepada warga pendidik khususnya terhadap murid dan guru. Medium VLE Frog adalah “*one stop shop*” di mana ia adalah sebuah kedai yang mengeluarkan produk pendidikan untuk menyelesaikan teknologi pendidikan dan menyokong pengajaran di sekolah. Analisis dapatan kajian mendapati

fungsi dan peranan sistem VLE Frog telah memberikan kesan yang besar kepada guru dengan meningkatkan kualiti pengajaran guru, merapatkan jurang hubungan antara guru dengan murid secara maya, memudahkan urusan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas dan meningkatkan penggunaan inovasi dalam kalangan guru. Manakala pembelajaran dalam kalangan murid akan meluaskan pengetahuan dan membantu murid memperoleh maklumat dan mengaplikasikan maklumat dengan mudah. Begitu juga dapatan oleh Shahfiezul Shahaimi and Fariza Khalid (2015) bahawa pembelajaran persekitaran maya merupakan medium utama dalam pendidikan masa kini. Pengintegrasian *blended learning* dalam pengajaran dan pembelajaran VLE FROG merupakan pendekatan yang mampu merubah pembelajaran berkonsepkan maya supaya lebih menarik dan mudah difahami. Penggabungan atau teradunnya pembelajaran tersebut seharusnya dapat menarik perhatian murid agar tidak merasa bosan dan hilang fokus terhadap mata pelajaran yang dipelajarinya. Pembelajaran persekitaran yang berkonsepkan maya ini mampu mengubah mentaliti pemikiran generasi masa kini untuk lebih ke hadapan dan mampu mengubah corak pendidikan kita kepada yang lebih berteknologi seiring dengan negara maju yang lain melalui pelbagai perancangan dan strategi yang dirancang oleh Kementerian Pendidikan Malaysia seharusnya. Pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya juga menjadikan guru lebih kreatif dalam menyampaikan pengajaran mereka (Najmi Syahiran Mamat, 2020). Menurut Sajap Maswan (2019), pembelajaran secara maya menggalakkan perkongsian maklumat dalam sesebuah komuniti, memberi peluang yang lebih luas kepada ahli-ahli komuniti untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi, memberi peluang kepada ahli komuniti yang tinggal jauh daripada universiti untuk mendapatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran dengan lebih baik dan murah, menggalakkan ahli komuniti untuk terus belajar sepanjang hayat dan melahirkan anggota komuniti yang mempunyai kemahiran berfikir tahap tinggi. Menurut Abd Hakim Abdul Majid et al. (2018), penggunaan realiti maya dapat dijadikan bahan bantu mengajar yang efektif kepada guru-guru sebagai tarikan kepada pelajar untuk meningkatkan kefahaman dan pencapaian kecemerlangan pendidikan terutama dalam mata pelajaran ICT di sekolah.

Elemen penerimaan dari segi penglibatan pelajar bermaksud penerimaan guru terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan (pdpc) secara maya disebabkan mendapat respon yang positif daripada pelajar. Pelajar memberi kerjasama dengan hadir semasa pelaksanaan pemudahcaraan secara maya dan melibatkan diri dalam aktiviti sepanjang proses pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya berlangsung. Dapatan kajian ini berdasarkan elemen penerimaan guru terhadap pdpc bahasa Arab dari segi penglibatan pelajar yang melibatkan 5 item menunjukkan skor min yang juga sederhana tinggi dengan catatan nilai min 3.38. Dapatan ini selari dengan kenyataan Letchmanan yang menyebut 2/3 daripada pelajarnya mengikuti pelajaran atas talian yang mana boleh menghantar kerja sekolah melalui *WhatsApp* atau *Google Classroom* yang mana mereka boleh memuat turun dokumen, lengkapkan dan kemudian memuat naiknya semula ke platform manakala 1/3 daripada murid tidak melakukan tugas yang diberi kerana kesilapan teknikal seperti masalah penyiaran dan isu-isu bunyi manakala kekurangan akses internet dan data merupakan isu lain yang dihadapi dalam melaksanakan pembelajaran atas talian (Jason Thomas & Fong, 2020). 2/3 daripada pelajar dianggap berada pada tahap sederhana tinggi. Dapatan kajian ini juga selari dengan kajian yang dijalankan oleh Abd Hadi Harun (2014) yang menunjukkan pelajar selesa menggunakan laman interaksi sosial web bagi melaksanakan kerja berkumpulan secara kolaboratif dan pelajar memberi maklum

balas yang positif apabila melaksanakan kerja secara berkumpulan melalui aplikasi maya kerana pelajar memperoleh pengalaman pembelajaran yang baru serta dapat berkongsi maklumat yang melibatkan isu-isu secara global sesama mereka. Perkara ini turut diakui oleh Mahizer Hamzah bahawa pandemik Covid-19 sebenarnya telah mempercepatkan penerimaan masyarakat negara ini terhadap pembelajaran secara maya yang sebelum ini dijangka mengambil masa yang lebih lama berdasarkan situasi semasa yang menunjukkan golongan terlibat seperti murid, pelajar, penuntut universiti, tenaga pengajar serta ibu bapa sudah boleh menerima pembelajaran secara maya sebagai antara pendekatan yang boleh digunakan baik untuk PdPc mahupun PdP (Syahidatul Akmal Dunya, 2020). Jika dibandingkan dengan dapatan kajian tinjauan oleh Sumarni Lapammu & Zamri Mahamod (2018) menunjukkan sedikit perbezaan yang mana dapatan kajian tersebut menunjukkan kesediaan pelajar terhadap penggunaan VLE Frog berada pada tahap tinggi. Hal ini mungkin disebabkan oleh responden kajian yang berbeza. Responden dalam kajian yang dilakukan oleh Sumarni Lapammu & Zamri Mahamod (2018) melibatkan pelajar itu sendiri yang menyatakan kesediaan mereka manakala responden dalam kajian yang dilakukan oleh pengkaji terdiri daripada guru dan guru menyatakan respons mereka berdasarkan pemerhatian mereka terhadap penglibatan pelajar semasa mereka melaksanakan pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya. Selain itu perbezaan dapatan kajian ini mungkin juga dipengaruhi oleh faktor-faktor lain yang boleh mempengaruhi penglibatan pelajar terhadap pembelajaran pemudahcaraan secara maya seperti gaya pengajaran guru, sokongan sosial dan sebagainya. Jika dilihat secara keseluruhannya, ianya tidaklah menunjukkan perbezaan yang ketara iaitu pada tahap sederhana tinggi dan tahap tinggi. Dapatan kajian ini juga menunjukkan perbezaan dengan apa yang disebut oleh Wong Kooi Choon bahawa maklum balas daripada pelajar kurang menggalakkan ketika melaksanakan pembelajaran dalam talian sama ada secara terus seperti zoom atau tertangguh seperti *whatsapp* dan telegram kerana sesetengah pelajar tidak memberi maklum balas (Jason Thomas & Fong, 2020). Perbezaan ini mungkin disebabkan oleh perbezaan tempoh kajian ini dijalankan yang mana kenyataan oleh Wong Kooi Choon adalah pada peringkat awal pelaksanaan perintah kawalan pergerakan yang menyebabkan sekolah ditutup dan medium pembelajaran secara maya digunakan manakala hasil dapatan kajian ini pula didapati setelah hampir dua tahun negara melaksanakan perintah kawalan pergerakan dan pelajar telah terbiasa dengan pembelajarana dan pemudahcaraan secara maya sebagaimana yang disebutkan oleh Mahizer Hamzah, pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya semakin meluas digunakan serta menjadi medium utama semasa wabak Covid melanda Negara telah mempercepatkan penerimaan masyarakat negara ini terhadap pembelajaran secara maya yang sebelum ini dijangka mengambil masa yang lebih lama (Ahmad Naim Tahir & Ihsan Noorzali, 2020)

Perbezaan Penerimaan Guru di Bandar dengan Guru Luar Bandar terhadap Pembelajaran dan Pemudahcaraan Secara Maya

Hasil analisis kajian, secara keseluruhannya tidak terdapat perbezaan antara penerimaan guru di bandar dan guru luar bandar terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya. Penerimaan guru sama ada guru di bandar atau luar bandar terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya berada pada tahap sederhana tinggi.. Menurut kajian yang dijalankan oleh Muhammad Azrin Abu Bakar & Nurfaradilla Mohamad Nasri (2021),

penerimaan guru bandar dan juga luar bandar terhadap pembelajaran secara maya berada pada tahap sederhana. Ini menunjukkan dapatan kajian yang dijalankan oleh pengkaji menunjukkan terdapat peningkatan dari segi penerimaan guru terhadap pembelajaran secara maya berbanding kajian sebelum ini. Ini mungkin disebabkan oleh tempoh masa guru menggunakan pembelajaran secara dalam talian membuatkan guru semakin bersedia dan mahir dalam mengendalikan kelas secara maya. Tiada perbezaan dari segi penerimaan terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya antara guru yang mengajar di bandar dengan guru yang mengajar luar bandar juga mungkin disebabkan oleh capaian internet yang turut dinikmati oleh golongan luar bandar setelah pelbagai usaha yang dilakukan oleh kerajaan agar kemudahan capaian internet dapat diperluaskan sehingga ke kawasan pedalaman. Antaranya kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia telah memuktamadkan proses pemberian tender bagi perkhidmatan capaian jalur lebar menerusi satelit di 839 lokasi terpencil di negara ini meliputi 178 penempatan Orang Asli di Kelantan, Pahang, Perak, Johor, Negeri Sembilan dan Selangor, 138 tempat di pedalaman Sabah dan 523 lokasi di pedalaman Sarawak (Kementerian Komunikasi Dan Multimedia 2021). Kerajaan telah menterjemah perancangan capaian Internet di seluruh negara termasuk kawasan pedalaman dan perkampungan Orang Asli supaya semua lapisan masyarakat dapat menikmati jaringan komunikasi yang lebih baik termasuk melakukan transformasi ke atas 873 Pusat Internet Komuniti (PIK) di seluruh negara sebagai pusat pendidikan bagi menangani masalah Pembelajaran dan Pengajaran di Rumah (PdPR)(Syaherah Mustafa 2021). Pada ketika ini, kira-kira 94 peratus kawasan di seluruh negara mendapat liputan internet 4G. Usaha ke arahnya sedang giat dilakukan bagi mempercepat peningkatan tahap liputan, mengambil kira kepentingan dan keperluannya yang semakin meningkat. Kerajaan menyasarkan dapat meningkatkan tahap liputan internet 4G kepada 96.6 peratus di seluruh negara pada hujung tahun 2022 dan liputan internet 4G seluruh kawasan di negara ini termasuk luar bandar dan pedalaman sepenuhnya pada tahun 2025(Mohamad Shofi Mat Isa 2021). Usaha-usaha yang dilakukan oleh kerajaan dalam memastikan capaian internet dapat diperluaskan ke kawasan luar bandar dan juga pedalaman mungkin sedikit sebanyak telah menyumbang kepada faktor penerimaan guru luar bandar terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya.

KESIMPULAN

Pendekatan pembelajaran secara maya penting sebagai satu kaedah dalam mempelbagaikan kaedah pembelajaran dan pemudahcaraan. Pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya dapat memberi banyak manfaat terutamanya bila mana pembelajaran secara bersemuka tidak dapat dilaksanakan atas faktor-faktor tertentu serta menjadi target Kementerian Pendidikan Malaysia yang diterjemahkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 yang meletakkan pembelajaran dalam talian dalam sistem pendidikan negara setanding dengan negara maju. Dapatan kajian mendapati terdapat peningkatan dari segi penerimaan guru terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya. Bahkan ianya turut diterima baik oleh guru-guru yang mengajar di kawasan luar bandar. Ini menunjukkan guru-guru dan pelajar semakin bersedia ke arah pembelajaran secara maya sekiranya perlu berbuat demikian atas faktor-faktor tertentu.

Cadangan kepada kajian akan datang supaya dapat memberi tumpuan kepada peningkatan dari segi kaedah kajian, pembolehubah tambahan dan responden dalam skop yang lebih luas supaya dapat menghasilkan kesimpulan kajian yang lebih baik. Kajian ini hanya menggunakan guru sebagai responden sahaja, maka cadangan untuk kajian akan datang supaya turut melibatkan pelajar agar maklumat dan pandangan lebih menyeluruh dapat diterima untuk penambahbaikan bagi menghasilkan pelaksanaan pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya yang berkesan.

RUJUKAN

- Abd Hakim Abdul Majid, Mokhairi Makhtar, & Syadiah Nor Wan Shamsuddin. 2018. Keperluan Pembelajaran Berasaskan Realiti Maya Dalam Konstruksi Pemasangan Komponen Komputer Mata Pelajaran TmK SPM Pendidikan Di Malaysia: Satu Kajian Rintis. *Asian People Journal (APJ)*, 1(1), 28–44.
- Ahmad Naim Tahir & Ihsan Noorzali. 2020. "Sedia Hadapi Kelas Maya Sesuai Normal Baharu." *Berita Harian*, April 19, 2020. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/679003/sedia-hadapi-kelas-maya-sesuai-normal-baharu>
- Amirudin Mohd Salim, Mohd Rakime Shaffai, & Md Hidayat Abd. Jalil. t.th. Kesedaran, penerimaan, keberkesanan dan hubungan kaitnya terhadap pelaksanaan e-pembelajaran dalam kalangan pensyarah politeknik merlimau.
- Berita Harian. 2020. "COVID-19: Pendidikan Menerusi Dunia Maya Cabaran Baharu Buat Guru," Mei 15, 2020. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/689322/covid-19-pendidikan-menerusi-dunia-maya-cabaran-baharu-buat-guru>
- Digital Marketing Institute. (2018). 5 advantages of online learning. <https://digitalmarketinginstitute.com/Blog/5-Advantages-Of-Online-Learning>
- Faridah Che In & Afham Zulhusmi Ahmad. 2019. Kajian keberkesanan pembelajaran interaktif berasaskan aplikasi Kahoot: satu kajian tindakan terhadap kursus principles of marketing. *Online Journal For TVET Practitioners*, 4(1), 1–11. <https://publisher.uthm.edu.my/ojs/index.php/oj-tp/article/download/4974/3133/>
- Hello Health Group. 2021. "Angkara Covid-19, Proses Pembelajaran Kelas Online Beri kesan pada Prestasi Pelajar." *Freemalaysiatoday*, Januari 17, 2021. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/fmt-ohsem/ohsem-sihat/2021/01/17/angkara-covid-19-proses-pembelajaran-dari-kelas-ke-online-berik-kesan-pada-prestasi-pelajar/>
- Kamaludin Ahmad. 2006. Membina Proses E-Pembelajaran- Satu Anjakan Paradigma. In *Seminar ICT Guru ICT Penjana Kecemerlangan Pengajaran dan Pembelajaran*", 1–22. <https://pdfcoffee.com/pembelajaran-dalam-talian-pdf-free.html>
- Mahizer Hamzah, & Mohd Azli Yeop. 2016. Frog VLE (persekitaran pembelajaran maya) dalam pengajaran dan pembelajaran: Penerimaan dan kaedah pelaksanaannya. *Journal of Research, Policy & Practice of Teachers & Teacher Education*, 6(2), 67–77. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JRPPTTE/article/view/227>
- Mazlina Abdul Majid. 2020. Adaptasi Pembelajaran Secara Maya Dalam Kebiasaan Baharu Bidang Pendidikan. *UMP News*, Mei 27, 2020. <http://news.ump.edu.my/experts/adaptasi-pembelajaran-secara-maya-dalam-kebiasaan-baharu-bidang-pendidikan>

- Mohd Faizal Yusof. t.t. Pembelajaran Secara Maya. <https://mohdfaizalyusof.weebly.com/kesan.html>
- Muhaamad Hafis Nawawi. 2020. "Belajar Dalam Talian Kurang Berkesan Berbanding Bersemuka." *Harian Metro*, Julai 1, 2020. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/07/595525/belajar-dalam-talian-kurang-berkesan-berbanding-bersemuka-metrotv>
- Muniroh Hamat, Siti Baqis Mahlan & Eng, C. P. 2020. Adaptasi Pengajaran Dan Pembelajaran Secara Maya dalam Kebiasaan Baharu Semasa Pandemik Covid-19 (pp. 23–30). Universiti Teknologi MARA. [https://appspenang.uitm.edu.my/buletin_jskm/2020-2/Articles/Adaptasi Pengajaran Dan Pembelajaran Secara Maya Dalam Kebiasaan Baharu Semasa Pandemik Covid-19.pdf](https://appspenang.uitm.edu.my/buletin_jskm/2020-2/Articles/Adaptasi%20Pengajaran%20Dan%20Pembelajaran%20Secara%20Maya%20Dalam%20Kebiasaan%20Baharu%20Semasa%20Pandemik%20Covid-19.pdf)
- Muzaffar Syah Mallow. 2020. "Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Talian." *Bernamea*, Jun 29, 2020. <https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1853908>
- Najmi Syahiran Mamat. 2020. "Normal baharu PKP jadikan guru lebih kreatif dalam penggunaan PdPc." *Astro Awani*, April 21, 2020. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/normal-baharu-pkp-jadikan-guru-lebih-kreatif-dalam-penggunaan-pdpc-239446>
- Nor ‘Asyikin Mat Hayin. 2020. "PKP anjakan kaedah pendidikan maya." *Harian Metro*, April 19, 2020. <https://www.hmetro.com.my/utama/2020/04/568463/pkp-anjakan-kaedah-pendidikan-maya>
- Rosninawati Hussin. 2020. Pembelajaran Dalam Talian Sebagai Norma Baharu. Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia(USIM). <https://www.usim.edu.my/news/in-our-words/pembelajaran-dalam-talian-sebagai-norma-baharu/>
- Shahfiezul Shahaimi, & Fariza Khalid. 2015. "Pengintegrasian Blended Learning Dalam Pembelajaran Persekitaran Maya Frog (VLEFROG). In Pendidikan Abad Ke-21: Peranan Teknologi Maklumat dan Komunikasi serta Cabarannya, edited by Nabilah Othman, C. W. Luan, & Nurul Syaida Md Zuki , 52–71. Bangi: Fakulti Pendidikan UKM.
- Sinar Harian. 2020a. "Cabaran Mengajar Dalam Talian." April 2, 2020. <https://www.sinarharian.com.my/article/76874/BERITA/Nasional/Cabaran-mengajar-dalam-talian>
- Sinar Harian. 2020b. "Pelajar B40 Kerap Ktinggalan Dalam Kelas Online." Ogos 25, 2020. <https://www.sinarharian.com.my/article/98155/LAPORAN-KHAS/Pelajar-B40-kerap-ketinggalan-dalam-kelas-online>
- TVET & Vocational Training. 2020. "Cabaran Pembelajaran Online." TVET & Vocational Training-Malaysian News. <http://jpkmalaysia.com/cabaran-pembelajaran-online-cadangan-mengatasinya/>